

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 16 Jun 2021 9:27
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: STML Disaran Terus Tingkatkan Kecemerlangan



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

16 JUN 2021 / 6 ZULKAEDAH 1442H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: STML

STML DISARAN TERUS TINGKATKAN KECEMERLANGAN



UUM ONLINE: Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik (STML) disarankan agar terus meningkatkan kecemerlangan agar dapat menjadi pusat pengajian disegani khususnya dalam bidang pengurusan teknologi dan logistik.

Pada pertemuan secara maya oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah bersama warga STML, baru-baru ini telah berkongsi hala tuju strategik UUM dengan kepimpinan dan warga STML terdiri ahli akademik dan staf pentadbiran.

Beliau berkata, warga STML harus berusaha untuk meletakkan STML sebagai sebuah pusat pengajian yang dihormati dan menjadi rujukan sama ada dari aspek kualiti program akademik, penyelidikan, penerbitan, perundingan atau lain-lain aspek yang berkaitan.

“Saya yakin STML mampu menjadi salah satu pemacu utama Pelan Strategik Fasa 3 UUM 2021-2025,” katanya yang turut berkongsi inti pati Gagasan Akademia dan Admin Holistik (GAGAH) UUM 2021-2025.

Menurutnya, GAGAH 2021 – 2025 adalah pelengkap kepada Pelan Strategik UUM khususnya untuk Teras 2 – Kecemerlangan Penyelidikan dan Teras 3 – Kelestarian Kerjasama Industri dan Komuniti.

Katanya, terdapat beberapa inisiatif yang terkandung dalam GAGAH 2021-2025 seperti ‘Research, Publication, & Innovation Drive (RAPID) Initiative’ yang menjadi tulang belakang kepada usaha merealisasikan KPI dan PI Teras 2. Secara khususnya, inisiatif ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu berkaitan penyelidikan (RAPID 1), penerbitan (RAPID 2), inovasi @ harta intelek (RAPID 3) dan perundingan (RAPID 4).

Di samping itu, beliau juga menerangkan ‘Sustainable Quintuple Helix (SQUAD) Initiative’ yang menjadi pemacu kepada kelangsungan KPI dan PI untuk Teras 3.

“Inisiatif ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu berkaitan usaha membina kerjasama strategik dengan Industri (SQUAD 1) dan kerjasama strategik dengan komuniti (SQUAD 2),” katanya.

Dalam sesi pertemuan tersebut, Prof. Dr. Haim Hilman menekankan tentang perlunya warga akademik dan pentadbiran STML berganding bahu dalam merealisasikan visi, misi dan objektif STML khususnya dan UUM amnya.

Menurutnya, untuk menjadi sebuah pusat pengajian yang cemerlang, STML perlu meningkatkan lagi jumlah penyelidikan, penerbitan, dan kerjasama dengan industri dan komuniti.

Sementara itu, Dekan STML, Prof. Dr. Nor Hasni Osman berkata, STML akan terus berusaha bersama-sama dalam memastikan agenda menjadikan STML sebuah pusat pengajian terkemuka dalam bidang pengurusan teknologi dan logistik di Malaysia dan serantau dapat direalisasikan suatu hari nanti.



Please consider the environment before printing this e-mail



BACHELOR



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.